

# Berangkat Rasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat (ISTob)

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menandatangani logo Dilarang Merokok sejurus selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat di Darulifta Brunei Darussalam.

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat di Darulifta Brunei Darussalam pada hari Khamis, 30 Rabiulakhir, 1423 bersamaan 11 Julai, 2002 yang lalu.

Keberangkatan tiba baginda ke majlis itu

telah dijunjung oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat berserta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Khairulzaman bin Haji

Salleh seorang penuntut yang hilang penglihatan dengan menggunakan al-Qur'an tulisan braille.

Ketika merasmikan seminar Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lain bertitah:

*"Perkara rokok telah menjadi persoalan global yang sangat mendesak untuk diselesaikan. Ia bukan lagi merupakan masalah individu yang terhad, iaitu masalah siapa yang merokok sahaja, tetapi telah melibatkan semua pihak bagaimana untuk mengatasi perkara merokok itu."*

(Bersambung ke muka 4)

**Jamadalawal - Rejab 1423**  
**Julai - September 2002**  
**Tahun 6 Bilangan 3**

## Menarik Di Dalam :

- Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok Antara Langkah-Langkah kerajaan Tangani Penyakit Kronik
- 3 Fatwa Mufti Kerajaan: Hukum Gambar, Patung Dan Lukisan daripada objek beryawa
- 7 Marriage & Iddah Of Women Who Embrace Islam (Final Part)
- 16 Terlalu Mengejar Amalan Sunat
- 18 Isteri Penyelamat Suami
- 20

# KESIHATAN UNTUK SEMUA



Al-Hadaf Tahun 6 Bil: 3 • Jamadilawal-Rejab 1423 / Julai - September 2002

Nikmat kesihatan yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* kepada kita adalah satu-satunya kurnia yang tidak ternilai harganya. Setiap orang mahu supaya sentiasa hidup sihat *walafiat* setiap masa. Harga dan nilai hidup sihat itu kadang-kadang tidak dirasakan oleh kita. Tetapi apabila seseorang itu di timpa sakit, barulah terasa betul-betul betapa nikmatnya hidup sihat itu. Jika boleh penyakit yang dideritai itu dapat disembuhkan dengan serta merta. Walau bagaimanapun, nikmat sihat itu adalah kuasa dan kurniaan Allah.

Oleh kerana itu, janganlah ia dinodai dengan tabiat dan kegiatan yang boleh merosaknya. Apakah di antara perkara yang boleh merosak kesihatan itu? Di antaranya ialah tabiat merokok. Tabiat merokok pada masa ini telah menjadi persoalan sejagat (global) yang sangat mendesak untuk diselesaikan. Ia telah melibatkan semua pihak supaya bekerja keras bagaimana untuk mengatasinya. Baru-baru ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan telah mengadakan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat. Seminar yang julung-julung kalinya berjaya menemukan antara ulama dan pakar saintifik itu telah membincangkan mengenai rokok dan merokok dari kaca mata Islam dan saintifik. Secara mutlak mereka

sependapat mengambil kesimpulan bahawa rokok dan merokok sangat memudharatkan kesihatan dan bertentangan dengan ajaran Islam. Dengan kata lain, walauapapun alasan-rokok mestilah disingkirkan jauh-jauh daripada kehidupan kita semua.

Bila menyebut mengenai rokok dan merokok, pada suatu aspek dan posisi lain, ia selalu dikaitkan dengan sumber ekonomi dan pendapatan sesebuah negara. Dalam hubungan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan seminar berkenaan antara lain bertitah bahawa di dalam ekonomi terdapat banyak alternatif lain, tetapi dalam hal kesihatan dan nyawa sama sekali tidak ada sebarang alternatif lain, melainkan itulah sahaja satu-satunya.

Oleh kerana itu, persoalannya sekarang sudah cukup jelas, adakah kita mahu *survive* dengan rokok dalam perkara ekonomi itu, sedangkan di sana masih banyak alternatif lain ataupun kita memilih kesihatan dan menyelamatkan nyawa? Dalam konteks tersebut, tentulah kesihatan dan nyawa yang menjadi pilihan kita!

Oleh yang demikian, semoga langkah positif yang dilaksanakan itu akan dapat memberikan kesedaran yang menyeluruh kepada semua pihak dan peringkat. Dengan demikian, mudah-mudahan akan lahir nanti suatu generasi baru yang sihat dan cergas yang sangat-sangat diperlukan dalam menyumbang ke arah pembangunan bangsa, agama dan negara. ■

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari  
bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah,  
Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha  
Ketua Bahagian  
Penerbitan dan Penerangan

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:*

*Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri*

### PERINGATAN

Jagalah suratberita ini  
dengan baik dan cermat,  
kerana ia mengandungi  
ayat-ayat al-Qur'an dan  
hadis Nabi  
*Sallallahu 'alaihi wasallam*

# Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok

## *Antara Langkah Kerajaan Tangani Penyakit Kronik*

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa salah satu daripada matlamat strategik Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000 - 2021 ialah meningkatkan penjagaan kesihatan asasi di negara ini.

Menurut baginda, keutamaan telah diberikan pada penjagaan kesihatan asasi kerana melalui kajian-kajian yang telah dijalankan ianya telah terbukti lebih berkesan dari segi penggunaan sumber dan terhadap kesihatan penduduk umumnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan baginda ke-56 tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada 4 Jamadilawal, 1423 bersamaan 15 Julai, 2002.

Dewasa ini, titah baginda, bermacam-macam penyakit kronik telah muncul di tengah-tengah kehidupan kita seperti

penyakit jantung koronari, buah pinggang, barah dan lain-lain, termasuk yang dikatakan berpunca daripada tabiat merokok.

*"Di antara langkah-langkah dalam menangani masalah ini ialah dengan mendatangkan ulama dan pakar sains antarabangsa dalam satu seminar antarabangsa mengenai rokok yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan,"* jelas baginda.

Seminar berkenaan, titah baginda, antara lain bertujuan untuk mencari formula alternatif, serta bagi melahirkan generasi baru yang sihat, cergas dan sangat diperlukan dalam memberikan sumbangan ke arah pembangunan bangsa dan sosio-ekonomi negara.

Terdahulu daripada itu di sebelah malam pada 4 Jamadilawal 1423 bersamaan 14 Julai 2002, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menyertai ribuan umat Islam di Majlis Doa Kesyukuran sempena ulang tahun hari keputeraan baginda ke-56 tahun di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman pada 4 Jamadilawal 1423 bersamaan 15 Julai 2002.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang fardhu Maghrib diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sementara sembahyang fardhu Isya' diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badarudin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan doa kesyukuran pula dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Jamed.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menyertai rakyat baginda di Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

(Dari muka 1)

Menurut baginda lagi, di satu segi orang melihat rokok berdasarkan kaca mata ekonomi yakni dari sudut kepentingannya sebagai antara faktor yang boleh mendatangkan keuntungan. Tetapi di segi yang lain pula, orang mendapatinya, terdapat bahaya besar yang boleh mengancam kesihatan dan bahkan nyawa.

Di dalam ekonomi, menurut baginda lagi, terdapat banyak alternatif lain, tetapi dalam hal kesihatan dan nyawa, adakah kita mendapati sebarang alternatif? Baginda bertitah dengan begitu tegas yang jawabannya sama sekali tidak ada. Tidak ada sebarang alternatif lain di dalam perkara kesihatan dan nyawa, melainkan itulah sahaja satu-satunya yang ada.

Selanjutnya baginda juga berharap agar seminar yang menggabungkan pendapat-pendapat keagamaan dan saintifik itu akan dapat dikongsi sama oleh semua pihak yang menjadi warga dunia ini di mana sahaja mereka berada.

Seminar selama empat hari itu dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Ia telah melibatkan 253 orang peserta dan 18 buah kertas kerja yang menumpukan perbincangan kepada permasalahan tembakau dan merokok dari perspektif Islam dan sains telah dibincangkan.

Sejurus selepas perasmian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat mempreviu pameran khas



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat di Darulifta Brunei Darussalam.**

yang dinamakan Pameran Kepimpinan Raja Dalam Hal Ehwal Al-Qur'an.

Pameran selama 10 hari itu diadakan sempena pembukaan semula Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada orang ramai.

Sebuah replika Mushaf Sayyidina Othman *Radiallahu 'anhu* yang dipinjam dari Muzium Negara Malaysia juga turut dipamerkan di balai pameran berkenaan.

Mushaf yang disalin itu merupakan jelmaan daripada naskhah asal Mushaf Sayyidina Othman yang masyhur dan merupakan mushaf yang mula-mula sekali ditulis di dunia yang diusahakan di antara tahun 24 hingga 30 Hijrah bersamaan 650 - 655 Masihi.

Mushaf asal yang dianggap tertua di dunia itu kini disimpan di Pusat Islam Tashkent di Uzbekistan.

Selepas itu baginda kemudiannya

berkenan berangkat memprebiu pameran mengenai produk-produk kesihatan dan gaya hidup sihat yang diadakan sempena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat.

Berangkat sama di majlis perasmian itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada pembentang-pembentang kertas kerja Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merasmikan Pameran Kepimpinana Raja Dalam Hal Ehwal Al-Qur'an di Balai Pameran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas kanan) dan ketika baginda menyaksikan secara dekat pameran produk-produk kesihatan sempena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat (atas kiri)**

(Dari muka 24)

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada peserta dan hakim-hakim pertandingan.

Johan qari' disandang oleh Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman, sementara Johan qari'ah pula disandang oleh Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdi Manaf.

Terdahulu dari itu, pada malam 27 Jamadilawal 1423 bersamaan 6 Ogos 2002, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat dan menyempurnakan perasmian pertandingan tersebut.

Seramai 4 orang qari' dan 4 orang qari'ah memperdengarkan bacaan mereka di majlis pertandingan malam pertama itu.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan piala kepada johan qari, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.



Johan qari'ah Dayang Hajah Aminah binti Abdi Manaf ketika memperdengarkan bacaannya di pertandingan tersebut.

## Kunjungan Perpisahan

### DUTA BESAR KESULTANAN OMAN

Oleh: Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

**Y**ang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan perpisahan Duta Besar Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Ahmed Mohd. Masoud Al-Riyami di Darulifta Brunei Darussalam pada 12 Jamadilakhir, 1423 bersamaan 21 Ogos, 2002.

Tuan Yang Terutama telah berkhidmat sebagai Duta Besar sejak 1994 dan akan menamatkan perkhidmatannya di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Semasa perjumpaan tersebut Tuan Yang



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan perpisahan dari Duta Besar Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Ahmed Mohd. Masoud Al-Riyami.

Terutama dan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin telah mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran khususnya dalam bidang agama dan hal ehwal semasa.

Di akhir kunjungan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin telah berkesudian menyampaikan cenderamata berupa terbitan Jabatan Mufti Kerajaan kepada Tuan Yang Terutama sebagai tanda kenang-kenangan.

# Pameran Kesihatan sempena ISTob

Oleh: Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

**S**empena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat anjuran Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan pada 11hb hingga 20hb Julai, yang lalu, beberapa pameran yang berhubungkait dengan bahaya tabiat merokok juga diadakan, diusahakan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Kementerian Pendidikan turut mempamerkan beberapa pencapaian kementerian tersebut khususnya dalam mempromosikan bahaya merokok di kalangan penuntut sekolah dengan aktiviti-aktiviti gaya hidup sihat, di samping memberi peluang mendapat-



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan secara dekat pameran organ-organ manusia yang rosak akibat merokok semasa melawat pameran Kementerian Kesihatan.

kan hadiah-hadiah sumbangan daripada penaja-penaja kuiz-kuiz yang diadakan.

Sementara itu Kementerian Kesihatan

juga tidak ketinggalan mempamerkan bahan-bahan yang berhubungkait dengan akibat tabiat merokok di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan pameran Kementerian Pendidikan.



Beberapa organ manusia yang telah mati akibat merokok turut dipamerkan. Sementara di bahagian lain dalam pameran yang sama, Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma dan menyediakan bilik khas bagi menderma darah.

Di samping itu pameran dan jualan juga diadakan sempena ISTob oleh berbagai agensi Kerajaan dan swasta dari dalam dan luar negeri.



Sebahagian daripada pelajar yang berkunjung untuk menyaksikan pameran sempena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat yang diadakan di Darulifta Brunei Darussalam yang berlangsung pada 11hb hingga 20hb Julai, 2002.

# Hukum Gambar, Patung & Lukisan daripada objek bernyawa



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

## Soalan:

Kaola pernah mendapati bahawa ada jemaah membaca 'surat khabar' di masjid sebelum sembahyang fardhu Jumaat. Menurut hadis Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*, malaikat tidak memasuki rumah yang mempunyai objek seperti gambar-gambar dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya gambar-gambar yang dibawa masuk ke dalam masjid melalui surat khabar semasa sembahyang Jumaat itu, adakah malaikat akan masuk ke dalam masjid ataupun tidak?

Jika hadis ini dipercayai betul, maka kaola khawatir rahmat Allah tidak akan sampai kepada kita semasa sembahyang Jumaat dan perkara ini sangatlah dikesali.

Semoga Pehin dapat memberikan pandangan mengenai persoalan ini.

## Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الْفَتْحِ الْوَهَّابِ  
الْهَادِي إِلَى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالرُّسُلِ، وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. وَبَعْدُ.

Mudah-mudahan Allah akan memberi taufiq dan hidayahNya kepada Tuan, kerana soalan di atas.

Adakah persoalan gambar fotograf mempunyai persamaan hukum dengan persoalan patung atau lukisan daripada objek yang bernyawa? Oleh kerana itu persoalan patung dan gambar lukisan dari objek yang bernyawa perlu dihuraikan:

(i) Patung daripada objek yang bernyawa yang lengkap

dengan semua anggotanya adalah haram dengan *ijmâ'*, dan wajib dimusnahkan, sama ada patung manusia, binatang, malaikat, jin atau binatang yang tiada bandingan baginya seperti kuda bersayap atau berkepak.

(ii) Patung daripada objek bernyawa, tetapi dipotong bahagian anggota yang tidak boleh ia hidup tanpa anggota berkenaan itu adalah harus.

(iii) Patung daripada objek bernyawa yang lengkap bagi tujuan pendidikan atau pengajaran dan pembelajaran atau patung mainan untuk kanak-kanak perempuan adalah harus.

(iv) Lukisan daripada objek bernyawa yang diletakkan pada tempat-tempat terhormat dan tidak hina adalah haram.

(v) Lukisan daripada objek bernyawa yang diletakkan pada tempat-tempat tidak terhormat dan sekaligus menghinakan seperti yang terdapat pada penyandar-penyandar yang dijadikan tempat sandaran atau tempat duduk adalah masih diingkari oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Ini dinakikan oleh setengah ulama sebagai makruh sahaja.

(vi) Lukisan daripada objek yang bernyawa yang

(Bersambung ke muka 8)

# Hari Pondok SeMalaysia II

Oleh: Pg Ibrahim bin Pg Hj Bakar

**D**ua orang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Maznan bin Haji Mohd. Yusof, Pegawai Istibat Kanan dan Pg. Ibrahim bin Pg. Haji Bakar, Penolong Pegawai Perhubungan Awam telah menghadiri Hari Pondok SeMalaysia Kali II yang diadakan pada 3-5 Rejab, 1423 bersamaan dengan 10-12 September, 2002 bertempat di Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.

Hari Pondok SeMalaysia telah dirasmikan oleh Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pengerusi Pusat Pembangunan Pondok Berhad dan disertai lebih 700 orang dari pelbagai perwakilan seperti Tuan-Tuan Guru Pondok Malaysia, Indonesia dan Fatani (Thailand), wakil-wakil dari beberapa buah Majlis dan Jabatan Agama Negeri, wakil-wakil dari Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan, peserta dari institusi pengajian tinggi dan pelajar-pelajar pondok.

(Dari muka 7)

diperlukan bagi tujuan-tujuan yang tidak bercanggah dengan syara' adalah harus.

- (vii) Objek yang bernyawa, berjisim dan sama ada berbayang atau tidak, dibuat dengan tujuan menyerupai Allah dalam menjadikannya atau bagi tujuan penyembahan adalah kufur.

Hadis-hadis yang memper-katakan tentang malaikat tidak akan masuk ke rumah yang ada patung, atau lukisan gambar haiwan adalah hadis-hadis *shahih*.

*Bagi menyesuaikan suasana masjid, memanglah munasabah akhbar tidak akan dibaca di dalam masjid pada waktu sembahyang Jumaat lebih-lebih lagi sewaktu khutbah disampaikan.*



**Wakil Jabatan Mufti Kerajaan bersama Tuan Guru Haji Hashim bin Abu Bakar, Pengerusi Pusat Pembangunan Pondok Berhad selepas Majlis Pembukaan Rasmi Seminar.**

Antara objektif Hari Pondok SeMalaysia ialah mendedahkan institusi pengajian pondok kepada masyarakat dan mengeratkan hubungan di antara ulama, badan-badan rasmi agama dan pertubuhan-pertubuhan Islam.

Hari Pondok SeMalaysia diisikan dengan Semianr Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd Zain Al-Fatani.

Seramai 6 orang pembentang kertaskerja dalam beberapa tajuk yang berkaitan

dengan sumbangan dan pemikiran ulama silam dalam memperkembangkan syiar Islam dalam dunia Melayu telah dibentangkan.

Hari Pondok SeMalaysia juga diselitkan dengan syarahan mengenai Pembebasan Masjid Al-Aqsa oleh beberapa orang ulama dan perwakilan dari Palestin dan forum bertajuk "Rantais Emas Ulama Jawi: Perjuangan dan Warisan Mereka".

Di samping seminar, beberapa pameran dan jualan juga telah diadakan.

Menurut sebahagian ulama persoalan gambar fotograf yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tidaklah termasuk dalam bidang yang diharamkan, kerana ia bukan dilukis dengan tangan, dan tidak juga dalam bentuk lembaga. Gambar *negative* itu sebagai menyimpan atau menangkap bayang yang diletakkan di atas kertas.

Atau dengan kata lain, dikecualikan daripada per-soalan patung atau lukisan gambar daripada objek yang bernyawa itu, ialah gambar melalui cahaya matahari seperti gambar fotograf, kerana gambar fotograf itu diumpamakan menahan bayang dengan membubuh bahan kimia yang khas.

Malaikat tidak akan masuk ke tempat-tempat yang ada patung dan gambar lukisan yang bernyawa yang diharamkan. Ini tidaklah termasuk gambar fotograf seperti yang diterangkan di atas.

Bagi menyesuaikan suasana masjid, memanglah munasabah akhbar tidak akan dibaca di dalam masjid pada waktu sembahyang Jumaat lebih-lebih lagi sewaktu khutbah disampaikan.

Oleh kerana itu, adalah munasabah dan elok pengedaran akhbar dilakukan selepas menunaikan fardhu Jumaat atau waktu-waktu lain yang lebih munasabah. Yang demikian itu tidaklah akan berbangkit adanya sebahagian orang ramai yang membaca akhbar di dalam masjid pada masa dan ketika hendak menunaikan fardhu Jumaat, dan juga keraguan tentang malaikat tidak masuk ke dalam masjid kerana adanya gambar-gambar.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

# 1.15 Billion Perokok menanti KEMUSNAHAN

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**Y**ang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan berkata: "Menurut hotmail message, daripada sejumlah 1.15 billion penghisap rokok di dunia, didapati seramai 400 juta daripadanya ialah orang Islam."

Jika benar rokok itu menjadi punca penyakit berbahaya yang mengancam kesihatan dan nyawa, menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, 20 peratus daripada jumlah keseluruhan umat Islam yang seramai 2 billion sedang menunggu kemusnahan secara bertahap dan beramai-ramai.

"Apakah ini bukan malapetaka yang amat dahsyat namanya? Dan apakah ini belum cukup lagi untuk menakutkan kita?" Tanya Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin ketika menyampaikan ucapan utama di Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat yang berlangsung pada 30 Rabiulakhir, 1423 bersamaan 11 Julai, 2002 di Darulifta Brunei Darussalam.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin menambah bahawa menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), merokok merupakan pembunuh nombor satu golongan muda di seluruh dunia dengan meragut 4.2 juta jiwa pada tahun

lalu, mengalahkan AIDS. Bilangan itu dijangka mencecah sehingga 10 juta setahun dalam tempoh 28 tahun akan datang.

"Inilah satu berita buruk untuk golongan muda khasnya dan manusia pada umumnya iaitu berita yang tidak boleh dipandang ringan lagi kerana kebenarannya telah benar-benar jelas dan wajar dipegang", jelas Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin.

Terdahulu daripada itu Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin berkata: "Dalam masa permulaan munculnya rokok dan amalan merokok, kebanyakan ahli ilmu belumlah mengetahui hakikatnya yang sebenar, berbanding kebelakangan ini. Rokok dan merokok bukan lagi dilihat dari luaran saja, malah telah dicari ke lubuk-lubuknya melalui perbincangan, perdebatan dan kajian di kalangan ahli sains dan perubatan, yang akhirnya sepakat membuat rumusan bahawa ianya membahayakan kesihatan dan nyawa dengan disokong oleh fakta saintifik yang sangat kukuh dan tidak dapat dipertikaikan lagi."

Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat diadakan selama 4 hari bermula 11 - 14 Julai, 2002. Sebanyak 18 kertas kerja telah dibentangkan oleh para ulama dan pakar dari Amerika Syarikat, Kanada, Bahrain, Perancis,



Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, ketika menyampaikan ucapan utama sempena Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat.

Australia, Hongkong, Thailand, Filipina, Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam. Seramai 253 orang peserta telah mengikuti seminar berkenaan.

Mereka membincangkan permasalahan tembakau dan rokok menurut perspektif agama dan sains untuk dikongsi sama oleh semua pihak. Ini boleh membantu penyebaran maklumat terkini dan berharga dalam sama-sama menyelamatkan nyawa yang terancam akibat rokok dan merokok.



Di antara para pembentang kertas kerja dan peserta Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat yang berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam

# LAPAN resolusi ditetapkan

Oleh Haji Mohidin bin Haji Mustapha

**M**ajlis Penutupan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat telah diadakan pada 3 Jamadilawal, 1423 bersamaan 14 Julai, 2002 yang lalu. Menteri Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong telah hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut.

Sebanyak lapan resolusi seminar telah ditetapkan di Majlis Penutupan tersebut yang berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Lapan resolusi yang ditetapkan oleh seminar tersebut adalah:

1. Menjunjung kasih terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana berkenan bercemar duli merasmikan seminar.
2. Memasukkan titah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke dalam laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atas permintaan pihak WHO sendiri.

3. Para pakar dan ulama sepakat memutuskan bahawa merokok sangat memudaratkan kesihatan.
4. Rokok dan merokok bertentangan dengan ajaran Islam.
5. Penglibatan kerajaan dan komitmen yang berterusan adalah amat penting dalam usaha membanteras wabak tembakau dan merokok.
6. Menggubal undang-undang berkenaan dengan tembakau dan merokok secara menyeluruh dengan berasaskan hukum syara' dan bukti-bukti saintifik.
7. Menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'role model' dalam pengawalan tembakau berdasarkan kedudukannya sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang pengaruh dan tekanan oleh mana-mana pihak di bidang ekonomi yang berkaitan dengan

rokok.

8. Memasukkan tentang bahaya tembakau dan merokok dalam kurikulum pendidikan dan penyebaran berterusan melalui media massa.

Resolusi tersebut telah dibentangkan oleh Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi, Pengerusi Bersama Rapporteur, Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat.

Dalam ucapannya di majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berharap, sebagaimana juga semangat dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua pihak dalam mengung-kayahkan seminar ini, maka semangat, *iltizam* dan keazaman sedemikian juga diperlukan dalam melaksanakan rumusan-rumusan itu nanti.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin menegaskan bahawa kita akan terus komited dalam pengawalan tembakau tersebut di negara ini, selaras dengan 'WHO's Regional Plan of Action on Tobacco.' Di antara usaha-usaha yang telah diambil ialah mengadakan

(Bersambung ke muka 11)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang pembentang kertas kerja ISTob.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika merasmikan Majlis Penutupan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat.

# TIMBALAN MUFTI Terima Kunjungan

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**Y**ang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan beberapa orang pelawat dari Bangladesh dan Indonesia.

Pada hari Sabtu, 16 Jamadilakhir, 1423 bersamaan 27 Julai, 2002, Yang Dimuliakan Pehin telah menerima kunjungan 4 orang pegawai dari Universiti Bangladesh. Semasa kunjungan itu berbagai perkara telah dibincangkan khususnya mengenai Islam dan umat Islam.

Terdahulu dari itu para pelawat tersebut telah dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, termasuk menyaksikan Pameran Kepimpinan Raja Dalam Hal Ehwal Al-Qur'an.

Sementara itu pada hari Khamis, 28 Jamadilakhir, 1423 bersamaan 8 Ogos, 2002, Yang Dimuliakan Pehin telah dikunjungi pula oleh Direktor Jeneral Departemen Kehakiman dan Hak Asasi Manusia, Indonesia, Prof. Dr. Abd. Ghani dan Farid Ismail dari Departemen Agama Indonesia.

Dalam pertemuan itu mereka telah membincangkan mengenai dengan



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan pelawat dari Indonesia (atas) dan ketika menerima kunjungan pelawat dari Universiti Bangladesh (bawah).



hal-hal yang bersangkutan paut dengan peranan fatwa dalam kehidupan dan perundangan sesuai dengan usaha

mereka untuk merealisasikan undang-undang Islam dalam sistem perundangan mereka.

(Dari muka 10)

kempen memberikan maklumat kepada orang awam, label amaran kesihatan di kotak rokok, menaikkan cukai tembakau dan larangan merokok di semua bangunan kerajaan, sekolah dan di dalam Penerbangan Diraja Brunei.

Hadir sama di majlis penutupan tersebut ialah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Norsiah bte Haji Mohd. Daud dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Mufti Kerajaan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, ahli-ahli jawatankuasa, pembentang kertas kerja dan peserta seminar.

Antara acara yang mengambil tempat di majlis tersebut ialah penyampaian sijil-sijil kepada pembentang-pembentang kertas kerja dan pemenang-pemenang 'Poster Presentation' yang diadakan bersempena dengan seminar berkenaan yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat. Majlis tersebut telah diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Mulia Mudim Haji Awang Ahmad Kasrah bin Haji Ibrahim.

# Persidangan Agung Ke 12 Yayasan Ali Al-Bayt Di Amman, Jordan

**L**ebih 100 delegasi yang terdiri daripada menteri-menteri agama, mufti-mufti, para ulama, para ilmunan dan pakar institusi pengajian tinggi dari 34 buah negara telah menghadiri Persidangan Agung ke 12 Yayasan Ali Al-Bayt, di Amman Jordan.

Persidangan telah dibuka rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Hamzah bin Al-Hussain, Putera Mahkota dan Pengerusi Tertinggi Yayasan Ali Al-Bayt Bagi Pemikiran Islam, pada pagi hari Ahad 24 Jamadilawal, 1423 bersamaan 4 Ogos 2002, bertempat di Pusat Kebudayaan Diraja, Amman.

Di persidangan itu, sebanyak 25 kertas kerja telah dibentang dan dibincangkan. Secara amnya, perbincangan selama 3 hari itu tertumpu kepada beberapa masalah dalam lima *lujnah* (kumpulan), iaitu:-

- Revolusi Telekomunikasi & Revolusi Teknologi Dalam Abad ke 15 Hijrah: Pendirian umat Islam mengenainya
- Ekstrimis (pelampau) Dalam Islam?
- Pertembungan Kebudayaan
- Masuknya 'Ilmaniyah (sekularisma) Kepada Umat Islam
- Makluman Awal al-Qur'an Dan Hadis Tentang Abad ke 15 Hijrah dan Akhir Zaman

Di persidangan itu Negara Brunei

Darussalam diwakili oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, selaku ahli tetap Yayasan Ali Al-Bayt Bagi Pemikiran Islam, dan Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan.



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Brunei Darussalam dalam pertemuan dengan Dr. Ahmad Mohamad Halil, Menteri Wakaf Dan Hal Ehwal Islam Jordan, (atas) dan Dr. Wahbah Az Zuhaili, Pengarang terkenal kitab *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatahu* (kanan).



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Brunei Darussalam bergambar bersama sebahagian perwakilkan yang menghadiri persidangan. Di sebelah kanan Yang Dimuliakan lagi Dihormati Pehin ialah perwakilan dari Rusia sementara di sebelah kiri ialah perwakilan dari Malaysia.

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali



Duli Yang Teramat Mulia Putera Hamzah bin Al-Hussain, Putera Mahkota Jordan yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Yayasan Ali Al-Bayt Bagi Pemikiran Islam menerima mengadap Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Brunei Darussalam (atas).



Sebahagian daripada perwakilan yang menghadiri Pembukaan Persidangan Agung ke 12 Yayasan Ali Al-Bayt yang telah diadakan selama 3 hari bermula 4 ogos 2002.

# Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Dikunjungi

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Sejak Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dibuka semula setelah ditutup sementara untuk kerja-kerja pengubahsuaian, telah mula menerima kunjungan pelawat. Sempena Expo Islam Antarabangsa Pertama yang lalu hampir 100 ribu orang pelawat telah mengunjunginya.

Para pelawat dari Bangladesh ketika dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan diberikan penerangan oleh Pengarah Pentadbiran, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah.



Menteri Persekutuan bagi Sains dan Teknologi Pakistan, Dr Atta-ur-Rahman ketika mengunjungi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 12hb September, 2002. Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Negara Brunei Darussalam mengiringi bersama ketika mengadakan lawatan itu.



Ahli-ahli Badan Sesi Agama (BENARA) Jabatan Kerja Raya Daerah Belait ketika mendengar taklimat dari Dato Paduka Ahmad Bukhari, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan sebelum mengunjungi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 21hb September, 2002.



Rombongan Jabatan Kebajikan Islam Johor ketika mengunjungi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 11hb September, 2002.

## Terima Kasih Jawatankuasa, Penaja Dan Sukarelawan Sempena ISTob



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika berucap di majlis Terima Kasih Jawatankuasa, Penaja Dan Sukarelawan Sempena ISTob yang telah diadakan pada 29 Jamadilawal, 1423 bersamaan 9 Ogos, 2002 bertempat di Darulifta Brunei Darussalam. Majlis dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa, para penaja dan para sukarelawan ISTob.

# DARI PENDETA menjadi MUBALIGH ISLAM

## Hafal Dua Kitab Allah Dan Hadis Nabi

Dipetik dan disusun semula oleh: Haji Abu Kasim bin Ismail

**K**a'ab al-Ahbar adalah salah seorang pendeta Yahudi yang terkenal dengan kebolehannya menghafal dan menguasai kitab Taurat. Beliau suka bermunajat kepada Allah secara bersembunyi dan sering berkhalwat (mengasingkan diri kerana beribadah). Melalui kitab Taurat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa, beliau mula mengetahui sifat-sifat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, ciri-ciri sahabat dan pengikutnya yang terdiri daripada kaum Mujahidin yang rela berkorban apa saja demi agama Islam. Allah *Subhanahu wata'ala* telah menghendaki Ka'ab bergabung dalam barisan kaum Muslimin yang mana akhirnya beliau menjadi salah seorang ulama dan mubaligh Islam yang termasyhur.

Hatinya mula terpaut dengan Islam ketika mendengar seorang sahabat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* membaca ayat al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ ءَامِنُوا بِمَا  
نَزَّلْنَا مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ  
نُظْمِسَ وُجُوهًا فَنَرُدَّهَا عَلَىٰ أَدْبَارِهَا  
أَوْ نَلْعَنَهُمْ كَمَا لَعَنَّا أَصْحَابَ السَّبْتِ  
وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا

(سورة النساء: ٤٧)

**Tafsirnya:** "Wahai orang-orang yang telah diberikan Kitab, berimanlah kamu dengan apa yang telah Kami turunkan (al-Qur'an), yang mengesahkan Kitab-Kitab yang ada pada kamu, sebelum Kami menyiksa dengan menghapuskan bentuk muka kamu (sehingga berubah menjadi rata - tidak bermulut, berhidung dan bermata), lalu Kami menjadikannya sama seperti rupa sebelah

belakangnya, atau Kami melaknatkan mereka sebagaimana Kami telah melaknatkan orang-orang (daripada kaum mereka - Yahudi) yang melanggar larangan bekerja pada hari Sabtu. Dan (ingatlah) perintah Allah itu tetap berlaku."

(Surah an-Nisâ' : 47)

Sebaik saja Ka'ab mendengar ayat ini, perasaannya menjadi takut dan jiwanya terus rindu pada Islam. Justeru itu, beliau segera menyatakan dirinya keluar daripada agama Yahudi dan memeluk agama Islam. Kemudian beliau datang mengadap Sayyidina Umar al-Khatthab untuk memberitahu tentang keislamannya. Peristiwa tersebut terjadi ketika kaum Muslimin sedang mempersiapkan pasukan peperangan melawan tentera Rom.

Ka'ab memeluk Islam berdasarkan ilmu dan beriman berdasarkan makrifat. Oleh kerana beliau mengetahui melalui kitab Taurat, bahawasanya kaum Mujahidin (daripada umat Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*) pada Hari Kiamat kelak akan mendapat darjat yang paling tinggi, maka dia meminta izin daripada Sayyidina Umar al-Khatthab untuk ikut bergabung bersama para Mujahid Islam untuk memerangi tentera Rom.

Dalam perjalanan, ketika sampai di Syria, beliau menemui seorang pendeta sangat alim yang sedang mengurungkan dirinya selama 40 tahun dalam biara (tempat pertapaan).

"Siapakah engkau?" tanya pendeta itu. apabila menyedari ada seseorang yang datang ke tempat pertapaannya.

"Aku Ka'ab al-Ahbar, seorang pendeta juga, sekarang nur Islam telah menerangi ke seluruh anggota

tubuhku," sahutnya.

"Wahai Ka'ab, aku pernah mendengar tentang kemasyhuran dirimu, apa keperluanmu datang ke mari?" Tanya pendeta itu kepada Ka'ab al-Ahbar.

Jawab Ka'ab: "Aku ke mari untuk bertanyakan dirimu. Dengan memper-saksikan diriku kepada Allah yang kamu benar-benar beribadah dalam biara ini, apakah benar kerana hanya berdasarkan salah satu ayat Allah dalam kitab Taurat yang berbunyi: "Sesungguhnya para pendeta yang tinggal di biara, mereka ini adalah hamba-hamba Allah yang terpilih di Hari Kiamat nanti?"

Serta merta disahut pendeta itu: "Demi Allah memang benar."

Ka'ab menambah: "Adakah kamu menemukan sebuah ayat dalam Taurat yang menegaskan: "Tanda orang-orang yang berjihad, badannya penuh debu, anak-anak mereka menjadi yatim piatu serta isteri-isteri mereka menjadi janda kerana kepergian mereka, padahal sebenarnya isteri-isteri mereka tidak janda - mereka memikul perbendaharaan perang di atas bahu mereka dan mereka menempuh perjalanan jauh demi berjihad di jalan Allah. Mereka itulah hamba-hamba Allah yang terpilih?"

"Demi Allah benar," sahut pendeta.

Ka'ab menjelaskan: "Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan ayat ini bukanlah pertapaan para pendeta yang tinggal di biara-biara, tetapi mereka adalah umat Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang berperang di jalan Allah, bukannya biara tempat mengurungkan diri seperti yang engkau lakukan ini."

## “Menangis kerana takut kepada Allah sehingga air mata membasahi pipi itu lebih baik daripada bersedekah segunung emas.”

Setelah mendengar ucapan Ka'ab, maka gementarlah pendeta Yahudi itu dan segera turun dari biaranya, kemudian mengisytiharkan dirinya masuk Islam dan bersedia berperang melawan tentera Rom bersama Ka'ab. Mendengar berita tersebut khalifah Umar al-Khattab sangat suka dan mengaguminya kerana mereka berdua terdiri daripada pendeta yang sangat terkenal.

Selain berjihad melalui lisan dan pedang, Ka'ab berusaha menghafal al-Qur'an sehingga akhirnya berjaya menghafal sebagaimana beliau menghafal Kitab Taurat. Akhirnya tertera nama Ka'ab dalam sejarah sebagai salah seorang mubaligh Islam yang dapat menghafal dua Kitab Allah. Selain itu, Ka'ab juga menghafal hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sehinggalah jiwanya benar-benar menghayati Islam. Disebabkan keahliannya itu, Ka'ab sering diundang ke majlis ilmu yang dihadiri oleh penduduk setempat untuk menyampaikan nasihat dan dakwahnya.

Pada satu hari beliau menjawab pertanyaan khalifah Umar al-Khattab tentang kematian: “Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya kematian itu ibarat sebuah ranting pohon yang banyak durinya. Ketika ranting dahan itu masuk ke dalam tubuh seseorang, maka duri-duri tersebut akan menyakiti setiap urat yang terdapat dalam tubuhnya. Urat itu kemudian terkoyak jika terkena duri, bila tidak terkena duri, maka ia akan tetap selamat.” Kemudian Umar bertanya tentang maksud ayat:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ  
نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَّلْنَاهُمْ  
جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا الْعَذَابَ.

(سورة النساء: ٥٦)

**Tafsirnya:** *Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu.”*

(Surah an-Nisâ':56)

Jawab Ka'ab. “Sesungguhnya keterangan ayat di atas telah aku fahami sebelum aku memeluk Islam lagi. Bahawasanya Allah *Subhanahu wata'ala* akan menggantikan kulit mereka itu sebanyak 120 kali dalam waktu satu detik.”

Kata Umar: “Kamu benar, aku juga telah mendengarkan penjelasan ayat itu daripada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.”

Manakala Ka'ab ditanya tentang sifat-sifat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan para pengikutnya dalam Kitab Taurat, beliau menjawab: “Tertulis dalam Kitab Taurat, Muhammad itu adalah seorang hambaKu yang tidak lemah dan juga tidak keras, patuh dan terpilih. Dia tidak pernah berdusta dalam niaganya di pasar, tidak pernah membalas kejahatan dengan kejahatan, sebaliknya, dia seorang pemaaf dan

pengampun.”

Di dalam kitab Taurat juga disebutkan Muhammad dilahirkan di Makkah, tetapi kemudian berhijrah ke Madinah, sebuah negeri yang sangat makmur. Umatnya adalah orang-orang yang selalu mengagungkan Allah setiap masa, baik dalam suka mahupun duka. Mereka bertakbir kepada Allah setiap kali mereka berada di tempat yang tinggi dan selalu bertasbih kepada Allah di tempat yang rendah. Dalam sembahyang, suara mereka bergema bagaikan suara lebah dalam gua batu. Mereka selalu membetulkan barisan saf-saf untuk sembahyang berjemaah sebagaimana mereka lakukan keadaan yang sama apabila bersedia untuk menghadapi musuh-musuh mereka di medan peperangan. Para malaikat berada di barisan depan dan belakang mereka, Allah sentiasa bersama mereka ketika mereka menghadapi peperangan *fisabilillah*.

Ka'ab selalu menangis di saat beribadat kepada Allah, janggutnya selalu basah oleh air mata. Ketika salah seorang sahabatnya, Abdullah Ibn Syaqq al-Uqaili bertanya kepadanya tentang masalah itu, beliau menjawab: “Menangis kerana takut kepada Allah sehingga air mata membasahi pipi itu lebih baik daripada bersedekah segunung emas.”

Daripada seorang pendeta Yahudi terulung yang menguasai kitab Taurat akhirnya beliau menjadi seorang ulama dan pendakwah yang menguasai Kitab al-Qur'an dan menghafal hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Demikianlah kehidupan Ka'ab al-Ahbar yang hatinya diterangi oleh iman dan taqwa. Pada tahun ke-32H, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir dan jenazahnya dikebumikan di kota Aleppo, Syria. Perjalanan hidupnya akan tetap bersinar bagaikan sebutir bintang kejora di dalam lintasan sejarah.

*Dipetik dari kitab Hayat Ash-Shalihin Syeikh Abdul Mun'im.*

# Marriage & 'IDDAH of Women Who Embrace Islam

(Final Part)

Translation of the Fatwa of the State Mufti 1998  
adapted by Siti Alawiyah binti Haji Mohd Zainal

We have discussed in the article of the previous part, the topic dealing with prohibitions of marriages between Muslims and non-Muslims. We have also mentioned the Islamic approval of the marriages held before the conversion to Islam of the non-Muslim spouse to Islam which are ruled *sahih* (valid) according to the opinion which is *sahih*. Besides, the earlier marriage of a non-Muslim couple converting to Islam together, either before or after conjugal relations, is ruled by Islam as *halal* (lawful) and may be continued when they become Muslims. But in the case where couple convert to Islam at a different time, it is the 'iddah of the wife that becomes the guideline in determining whether the marital ties between them are still binding.

In this final part, we will be discussing further the Islamic view point on the above-mentioned. The following are the opinions of some Islamic scholars on the marital ties of a couple after their conversion and the issues in relation to it.

As reported by Abdullah bin Shubrumah which means: "Indeed (the practice of) the people during the time of Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam (was that sometimes) a man would embrace Islam before the wife and (sometimes) a woman would embrace Islam before the husband. Therefore, whoever between them embraces Islam before the completion of the wife's 'iddah, she is (still) his wife and if (any one of them) embraces Islam after the 'iddah (period) then the marriage between them is no longer (preserved)."

This report from Abdullah bin Shubrumah is further supported by a hadith narrated by Imam Bukhari from Ibnu 'Abbas:

كَانَ الْمُشْرِكُونَ عَلَى مَنَزَلَتَيْنِ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُؤْمِنِينَ كَانُوا مُشْرِكِي أَهْلِ حَرْبٍ يُقَاتِلُهُمْ وَيُقَاتِلُونَهُ وَمُشْرِكِي أَهْلِ عَهْدٍ لَا يُقَاتِلُهُمْ وَلَا

يُقَاتِلُونَهُ وَكَانَ إِذَا هَاجَرَتْ امْرَأَةٌ مِنْ أَهْلِ الْحَرْبِ لَمْ تُخْطَبْ حَتَّى تَحِيضَ وَتَطْهَرَ فَإِذَا طَهَّرَتْ حَلَّ لَهَا النِّكَاحُ فَإِنْ هَاجَرَ زَوْجُهَا قَبْلَ أَنْ تَنْكِحَ رُدَّتْ إِلَيْهِ (رواه البخاري)

**Meaning:** "To the Prophet Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam and the faithful, the mushrikin (polytheists) are (divided) into groups, (one group is) the mushrikin who are members of the harb group (kafir harbi) whom the Prophet had battled against and who had fought the Prophet (the other group is) the mushrikin who are members of the 'ahd group (who had an agreement with the Prophet), whom the Prophet did not battle against and who did not fight against the Prophet. When a woman (a wife) of the harb group migrated (entered into Islam), she is not proposed to until after she has had her menses and is clean from it (completed the 'iddah). Therefore, when she is pure again (completed the 'iddah), it is *halal* for her to marry. So, if her husband migrated (embraced Islam) before she (his wife) is able to marry (before the completion of her 'iddah) she is returned to her husband (to remain married by their earlier marriage)."

(Hadith narrated by Bukhari)

In the book *al-Asbâh wa an-Nazhâ'ir*, written by Imam as-Suyuti, there is a *fiqhiyyah* principle which reads:

كُلُّ فُرْقَةٍ مِنْ طَلَاقٍ أَوْ فَسْخٍ بَعْدَ الْوِطْءِ وَلَوْ فِي الدُّبْرِ أَوْ اسْتِدْخَالِ الْمَاءِ الْمُحْتَرَمِ تُوجِبُ الْعِدَّةَ

**Meaning:** "Iddah is *wajib* (for) every divorce, (whether) from *talaq* or *fasakh* (and which takes place) after sexual relations, although (the sexual relation) was anal or it was the (act of) inserting the husband's seminal fluid (without the insertion of the penis)."

## Validity of Marriage With Second Husband

The validity or otherwise of a wife's marriage to her second husband is dependent on the condition of the woman during the marriage ceremony, i.e. whether she is observing 'iddah, or she has completed her 'iddah, or she did not observe 'iddah at all.

According to *shara'* (Islamic law), the ruling on a woman who undergoes a marriage ceremony after completing her 'iddah, or a woman who is not required to observe 'iddah, for example a wife who was divorced

prior to the consummation of the marriage, is that the marriage is *sah* (valid).

A marriage performed while a woman is observing 'iddah, is *bâtil* (invalid).

Imam Ibn Kathir has said that the *ulama* (scholars) have concurred that marriages performed during the 'iddah period are invalid. This is clear from what Allah Ta'ala has said in surah al-Baqarah, verse 235:

وَلَا تَعْرِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ  
الْكُتْبُ أَجَلَهُ

(سورة البقرة : ٢٣٥)

**Translated:** "And do not consummate the marriage until the term prescribed is fulfilled."

(Surah al-Baqarah: 235)

Therefore, in this respect, if a woman marries during her 'iddah period and she has not had conjugal relations with her second husband, then the couple should be separated and her 'iddah for her first husband should continue.

On this matter, Sheikh Muhammad Najib al-Muti'i has said in his book *al-Majmû' Sharh al-Muhadzdzab li ash-Shirazi* 20/46-47:

"When a man divorces his wife or when a widow remarries during her 'iddah period, the marriage is null on the basis of the words of Allah Ta'ala that is translated as: "And do not consummate the marriage until the term prescribed is fulfilled." In the said verse Allah prohibits marriage before completion of the period of 'iddah and the prohibition implies that what is prohibited (the marriage) would be spoilt.

### Punishment Imposed Against Invalid Marriage

Should the marriage still take place then, if the second man has not ended the marriage, and the couple is aware

that the marriage is *haram*, they may both be sentenced to *ta'dzîr* (discretionary punishment) because they have done what is *haram*. If they are both ignorant of the *haram* ruling then the *ta'dzîr* punishment will not be meted out against them. If one of them is aware of the *haram* ruling and the other is ignorant of it, then the one who knows will receive the *ta'dzîr* punishment while the one who is ignorant will not. By having the (prohibited) marriage, the wife loses her rights to maintenance and a residence from the first husband because she is guilty of *nushûdz* (ill conduct). A wife who is guilty of *nushûdz* loses her rights to maintenance and a residence and the 'iddah owing to the first husband is not shortened with the second marriage.

### Sexual Relation With The Second Man During 'Iddah

If the second man has had conjugal relations with her, and they both knew that it was *haram* (to perform the marriage), then both of them would have committed adultery and the *hadd* punishment is *wajib* on them. The woman is not obliged to receive dowry, she is not obliged to observe 'iddah for the second man and her 'iddah for the first husband continues. If the second husband is aware that it is *haram* (to perform the marriage) but the woman is ignorant, it is therefore *wajib* that the man pays the dowry, the *hadd* punishment is not meted out on the woman, it is *wajib* to sentence the *hadd* punishment on the man, the woman is not obliged to observe 'iddah for the second husband, and her 'iddah for the first husband continues.

If they are both ignorant of the *haram* ruling, then the *hadd* punishment is not meted out on them and the woman will receive the dowry and will observe 'iddah for her second husband. If the second husband is ignorant of the *haram* ruling, and the woman is aware of it, then the *hadd* punishment is

executed on her, she receives no dowry and there is no *hadd* punishment on the man and the woman must observe 'iddah for him (the second husband).

Therefore, whenever the second husband is ignorant of the *haram* ruling on sexual relations (and he consummates his marriage), then the woman becomes *firash* (wife who has rightful conjugal relations by *shara'* law) and the conjugal relations terminate her 'iddah for her first husband if she is not pregnant by her first husband because 'iddah is observed to ensure that the womb is empty and it is impossible to determine whether her womb is empty (if she has not conceived) from her (relations with) her first husband if, at the same time, she has become a *firash* to her second husband. (Therefore) the woman should be separated from her second husband and it is *wajib* for the woman to complete her 'iddah for her first husband before she starts observing her 'iddah for her second husband and (in this case) the two 'iddah cannot be performed concurrently."

If the woman is pregnant, then the parentage of the child must be ascertained - whether it is from the first or the second husband because this in turn will determine different rulings on 'iddah, *nasab* (lineage), etc. which require a more thorough explanation.

Therefore, the wife of a *kafir* who has had conjugal relations with her husband must observe 'iddah for her *kafir* husband when she embraces Islam just as free women observe 'iddah. And, when her husband embraces Islam during the duration of her 'iddah, they may return to each other without performing a new marriage because marriages among the *kafir* are recognised in Islam.

The said wife cannot marry any other Muslim man while still in her 'iddah and should she marry while her 'iddah is incomplete, then the marriage is invalid.

# TERLALU MENGEJAR Amalan Sunat

Disusun semula oleh Haji Yakob bin Haji Metali

**M**emang menjadi fitrah manusia suka berlumba-lumba mencari sesuatu yang terbaik. Khusus dalam perkara ibadat, setiap orang Islam dituntut mencari kelebihan (fadhillat) dan amal kebajikan sebagai pertaruhan dan bekalan di akhirat nanti. Perbuatan sedemikian adalah sifat orang-orang yang salih sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qur'an:

وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ

مِنَ الصَّالِحِينَ

(سورة آل عمران: ١١٤)

**Tafsirnya:** "Dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya) adalah daripada orang-orang yang salih."

(Surah Ali 'Imran: 114)

Dalam pada itu, terdapat segolongan manusia yang tersilap fahaman dan tindakan kerana terlalu mementingkan amalan sunat sehingga perkara yang wajib dan fardhu terabai. Kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan terkeliru oleh ganjaran pahala besar bagi amalan-amalan sunat. Keadaan inilah yang menjadikan mereka ghairah melakukan amalan-amalan sunat dan menyebabkan mereka tidak memberi perhatian yang lebih kepada perkara-perkara yang wajib, sedangkan perkara wajib itu lebih utama dilaksanakan.

## Sembahyang

Sembahyang itu wajib dilakukan oleh setiap orang Islam sebagai pengabdian dan tanda syukur kepada Allah Yang Maha Agung. Sembahyang itu diwajibkan ke atas orang Islam kerana ia merupakan salah satu daripada rukun Islam. Sembahyang juga adalah cahaya yang menerangkan jalan hidup yang

sebenarnya dan cahaya bagi orang yang mengerjakannya di dunia dan akhirat.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* juga menyifatkan orang-orang yang meninggalkan sembahyang itu sebagai tanda tidak bersyukur terhadap keluarga dan harta yang diperolehinya. Baginda bersabda:

مَنْ فَاتَتْهُ صَلَاةٌ فَكَأَنَّمَا رُتِرَ أَهْلُهُ وَمَالُهُ

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** "Barangsiapa yang meluputkan satu sembahyang, maka seolah-olah dia mengecilkan (menyempitkan) ahli keluarga dan hartanya."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, apapun sebabnya, kecuali kerana terlupa atau tertidur, maka meninggalkan sembahyang itu hukumnya berdosa dan wajib diqadha dengan segera.

Menurut Imam an-Nawawi, bahawa sembahyang fardhu yang luput dengan tiada uzur, ditinggalkan dengan sengaja, mencuaikan sembahyang tersebut ketika dalam pelayaran atau lalai kerana menonton hiburan, maka wajib ke atasnya mengqadha sembahyang yang ditinggal atau dicuaikan itu dengan segera dan tidak boleh dilengah-lengahkan.

Dalam keadaan ini, menurut Ibnu Hajar *Rahimahullah* bahawa tidak harus bahkan haram bagi orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja atau dengan tiada uzur menghabiskan masa dan waktunya dengan perkara-perkara lain sekalipun yang sunat sebelum mengqadha sembahyang fardhu yang ditinggalkannya itu, melainkan masanya itu digunakan bagi menunaikan perkara-perkara yang wajib seperti mencari nafkah untuk tanggungannya.

## Zakat

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam apabila cukup syarat-syaratnya. Zakat bertujuan membersihkan golongan kaya daripada perasaan kedekut. Ibadat ini juga dapat membersihkan perasaan dendam dan hasad dengki golongan miskin terhadap mereka yang hidup mewah. Jelasnya tujuan amalan zakat ialah untuk membentuk masyarakat yang penyayang dan adil.

Kewajipan zakat itu seiring dengan kewajipan sembahyang. Oleh itu, ibadat tersebut hendaklah ditunaikan kerana lebih harta yang ada adalah hak Allah *Subhanahu wata'ala* melalui *ashnaf-ashnaf* yang ditentukan oleh syara'.

Dalam usaha mengukuhkan hidup bermasyarakat, umat Islam digalakkan bantu membantu melalui sumbangan atau derma kebajikan kepada pihak-pihak yang memerlukannya seperti orang miskin, anak yatim dan sebagainya. Sekalipun amalan sedemikian menjadi tuntutan agama Islam, namun ibadat zakat tidak seharusnya diabaikan atau dilengahkan kerana ia adalah satu kewajipan yang mesti didahulukan. Orang yang mempunyai harta (telah wajib ke atasnya zakat) sedang dia ingkar mengeluarkan zakat, disifatkan sebagai sama seperti keadaan orang kafir.

Perkara-perkara wajib adalah wajib diutamakan dan tidak boleh dilengahkan atau dilambat-lambatkan. Dalam hal ini melakukan umrah, melancong ke tempat lain yang memerlukan perbelanjaan yang banyak sehingga ibadat zakat tertangguh adalah bercanggah dengan kehendak Islam yang sebenar. Dalam perkara zakat, mana-mana harta yang wajib dikeluarkan zakat seperti harta wang

simpanan, perniagaan, pertanian, binatang ternakan seperti kerbau dan kambing, emas dan perak yang cukup syarat-syaratnya hendaklah ditunaikan dengan segera, ditakuti dengan melambatkannya akan luput. Walau bagaimanapun, zakat-zakat yang terluput wajib diqadhakan sepertimana juga dalam perkara sembahyang.

## Puasa

Puasa merupakan ibadat yang istimewa di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* kerana setiap ganjaran atau balasan kepada orang yang berpuasa diberikan dan dinilai oleh Allah Ta'ala sendiri sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
قَالَ تَعَالَى: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا  
الصِّيَامَ فَإِنَّهُ أَجْرِي بِهِ

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** "Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Allah *Subhanahu wata'ala* berfirman: "Setiap amalan anak Adam (manusia) adalah untuknya (dapat diperiksa sendiri dan dinilai baik buruknya), melainkan amalan puasa, maka sesungguhnya puasa itu adalah untukKu (Aku sendiri yang dapat memeriksa dan menilainya) dan oleh sebab itu Aku sendirilah yang akan menentukan berapa banyak balasan yang perlu diberikan kepada mereka yang berpuasa."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Puasa Ramadhan diwajibkan kepada umat Islam pada setiap tahun berdasarkan al-Qur'an dan hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Begitu juga disunatkan ke atas orang Islam berpuasa sunat atau *tathawwu'* di hari atau bulan yang lain seperti melakukan puasa 'Asyura, hari Arafah, puasa Sya'ban, puasa mingguan pada setiap hari Isnin dan Khamis, puasa enam hari pada bulan Syawal dan lain-lain.

Tidak dinafikan bahawa ganjaran yang diberikan kepada orang yang berpuasa

sunat enam hari pada bulan Syawal itu adalah besar. Memandangkan kelebihan berpuasa sunat itu besar, maka sebahagian orang tersilap anggap sehingga meninggalkan puasa qadha. Sedangkan, menurut hukum syara', puasa-puasa sunat tersebut hanya boleh dilakukan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadhan sebulan penuh dan disunatkan juga dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa Ramadhan sebulan penuh disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syara' seperti perempuan haid dan nifas, musafir yang diharuskan atau orang sakit. Manakala bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadhan dengan sengaja adalah haram baginya melakukan apa jua puasa sunat kecuali setelah selesai mengqadha puasanya yang luput itu, kerana puasa Ramadhan yang ditinggalkan adalah wajib diqadha sebanyak hari yang ditinggalkan itu

Dalam mengerjakan qadha puasa, para ulama berpendapat bahawa orang-orang yang meninggalkan puasa tanpa uzur adalah wajib menyegerakan qadha puasa tersebut. Mereka tidak diharuskan bahkan haram melakukan puasa-puasa sunat sebelum mengqadhanya. (Fath Al-'Allam: 4/161)

Menurut ulama Syafi'iyah tidak harus bahkan haram orang-orang sedemikian mengerjakan puasa-puasa sunat kecuali setelah selesai mengqadha puasa yang tertinggal itu. Sehubungan dengan ini, sayugia diingatkan bahawa orang-orang yang meninggalkan puasa Ramadhan hendaklah menyegerakan qadha puasa tersebut sebelum datang Ramadhan yang baru.

Walaupun bagaimanapun sebagai agama yang penuh hikmat, Islam juga menyediakan jalan atau cara yang baik bagi mendapatkan pahala sunat sekalipun mempunyai qadha puasa, umpamanya bagi orang yang hendak melakukan qadha puasa Ramadhan (meninggalkannya kerana keuzuran yang diharuskan oleh syara') ia boleh dilakukan sekaligus dengan puasa-puasa sunat. Caranya ialah orang tersebut hendaklah berniat bagi kedua-duanya iaitu puasa qadha dan

puasa sunat tersebut dengan tujuan bagi mendapatkan ganjaran kedua-duanya sekali (iaitu ganjaran puasa qadha dan ganjaran puasa sunat). Hal ini sama seperti orang yang berniat puasa wajib sama ada puasa qadha, puasa *nazar* atau puasa *kaffarah*, pada hari-hari yang disunatkan berpuasa seperti hari 'Asyura, hari Arafah dan puasa-puasa sunat yang lain seumpamanya.

## Haji

Begitu juga dalam perkara seseorang yang mampu menunaikan haji tetapi ghairah dan asyik melakukan umrah. Setiap tahun dia mengerjakan umrah lebih daripada sekali tetapi dia tidak ada usaha langsung untuk menunaikan fardhu haji, lebih-lebih lagi berazam untuk mengerjakannya di masa akan datang. Padahal ibadat haji itu adalah rukun Islam yang wajib dikerjakan oleh setiap orang *mukallaf* sekali seumur hidup iaitu bagi orang yang telah cukup syarat-syaratnya seperti berkuasa melakukannya.

## Kesimpulan

Amalan fardhu ialah segala perkara yang wajib ditunaikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam. Dilaksanakan amalan itu dengan rasa tanggungjawab seorang hamba kepada Tuhannya dan ia merupakan sebagai asas, sedang segala perkara yang sunat adalah sebagai binaan. Seorang mukmin dikehendaki menyediakan asas amalannya sebelum mendirikan binaan. Ertinya dia wajib menunaikan segala perkara yang wajib kemudian menambahkannya dengan mengerjakan segala yang sunat supaya amalannya lebih teratur dan sempurna.

Melakukan amalan-amalan sunat menjadikan seseorang itu lebih dicintai oleh Allah *Subhanahu wata'ala*. Yang menjadi amalannya ada dua macam iaitu yang fardhu dan yang bukan fardhu. Maka tarafnya tentu melebihi daripada orang yang hanya mengerjakan segala yang fardhu sahaja.

Dipetik berdasarkan buku *Irsyad Hukum* tahun 2000.

# ISTERI PENYELAMAT SUAMI

Oleh Hajah Safiyah Haji Tuah

Seorang lelaki yang belum berkahwin tentu mengimpikan atau bercita-cita untuk memiliki seorang isteri yang boleh memberi kebahagiaan zahir dan batin serta memberi ketenangan dalam hidup berumah-tangga. Mereka yakin hanya wanita yang 'baik atau terpilih' saja yang boleh memberi ketenangan tersebut.

Itulah sebenarnya fitrah semula jadi kaum lelaki yang inginkan agar wanita yang bakal menjadi teman hidupnya boleh menjadi sumber ketenangan, kebahagiaan dan kegembiraan dalam rumahtangganya demi untuk menyambung zuriatnya.

Bagaimanapun, tidak semua isteri boleh memberi ketenangan hidup kepada suaminya, malah ada pula yang berani berlaku curang terhadap suaminya. Di rumah dia menjadi milik suaminya tetapi di luar dia menjadi hak orang lain.

Hal seumpama ini biasanya terjadi apabila seorang isteri itu tidak mempunyai iman yang kukuh, mudah terpengaruh dan terpedaya dengan pujuk rayu serta pujian yang diberikan, lebih-lebih lagi jika wanita tersebut cinta kepada kebendaan dan kemewahan yang mungkin tidak diperolehinya daripada suaminya.

Isteri yang malang akan terperangkap dan akan hilanglah keindahan hidup dalam rumahtangga kerana hatinya sudah terpaut kepada lelaki lain. Perasaan cinta serta kasih sayangnya telah berbelah bagi. Perhatiannya terhadap suami

sudah tidak seperti dulu lagi. Malah ada yang mahu melarikan diri daripada ikatan suami apabila semakin hari semakin nampak kelemahan dan kecacatan yang ada pada suaminya. Maka mulalah dia berfikir dan berangan untuk hidup di samping lelaki yang menjadi pujaannya itu, sehingga layanan terhadap suami semakin berkurangan yang kadang-kadang boleh menimbulkan pertengkaran.

Terdapat sebuah kisah, yang mengisahkan tentang seorang wanita muda yang telah bersuamikan seorang lelaki tua. Wanita tersebut terpaksa pergi ke pasar setiap hari untuk membeli keperluannya, disebabkan oleh suaminya yang telah uzur dan tua.

Di pasar dia telah bertemu dengan seorang penjual muda yang sangat kacak. Pada mulanya tidak terlintas di hati wanita itu terhadap penjual tersebut. Tetapi setelah kerap kali berjumpa, timbul pula perasaan lain di dalam hatinya. Hatinya mula membandingkan lelaki itu dengan suaminya, sehingga dia merasakan bahawa hatinya telah mula terpicat kepada pemuda itu. Akan tetapi disebabkan keimanan yang dimilikinya, dia mula menyedari bahawa dia telah melakukan dosa kerana berfikiran yang bukan-bukan.

Lalu, apabila saja dia sampai ke rumah, dia pun mengadukan hal tersebut kepada suaminya dan meminta supaya dia tidak pergi ke pasar lagi, semata-mata bagi memelihara dirinya daripada

perkara yang tidak diingini.

Begitulah kisah seorang wanita yang beriman dan solehah. Tetapi bagaimana halnya jika perkara ini terjadi kepada kaum wanita yang imannya tidak kukuh? Sudah pasti akan terjadi hal yang disebaliknya pula.

Ini adalah di antara punca keretakan sesebuah rumahtangga disebabkan oleh sikap isteri itu sendiri. Terdapat para isteri yang merasakan melayani suami itu merupakan satu beban kepada mereka. Malah ada yang berani berpendapat bahawa memuliakan dan mentaati suami itu sudah tidak sepatutnya dilakukan lagi dan menganggapnya suatu penghinaan kepada kaum wanita.

Sebenarnya di antara ciri-ciri isteri yang baik ialah mereka yang dapat memberikan kasih sayang dan ketaatan kepada suaminya, sentiasa mencari-cari apa saja perkara yang boleh menyenangkan hatinya, mencari apa yang menjadi keghairahannya dan menjauhkan apa yang tidak disukainya, dan merasa sangat takut untuk melakukan perkara yang boleh menggugat kebahagiaan rumahtangga.

Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu anhu* dia berkata: "Ditanya orang: "Ya Rasulullah manakah wanita yang baik?" Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menjawab:

"Wanita yang baik ialah wanita (isteri) yang selalu menggembarakan suaminya, bila suaminya melihat kepadanya, dia selalu

patuh, bila suaminya memerintahnya, dia tidak mahu melanggarnya baik pada diri peribadinya, mahupun harta bendanya menurut yang tidak disukai suaminya.”

Siti Fatimah az-Zahra puteri Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, pernah secara tidak sengaja telah membuat suaminya Sayidina Ali *Radhiallahu 'anhu* merasa tersinggung. Lalu dia telah mengelilingi Sayidina Ali sebanyak 72 kali memohon kemaafan dan keredhaan daripadanya. Perbuatannya mengelilingi Sayidina Ali itu telah menyebabkan beliau ketawa, yakni redha kembali pada isterinya Siti Fatimah. Tapi Siti Fatimah masih bimbang dan terus mengadu kepada Rasulullah. Apa kata Rasulullah terhadap peristiwa itu? Sabda baginda:

“Wahai Siti Fatimah, kalau engkau mati dalam keadaan Ali tidak redha padanya nescaya aku ayahandamu tidak akan menyembahyangkan jenazahmu.”

Begitulah, betapa pentingnya para isteri menjaga hati suami supaya mereka tidak merasa tersinggung, apa lagi kalau perbuatan itu boleh menimbulkan kemarahan dan kebencian di hati mereka. Moga-moga perkara ini dijauhkan di dalam rumahtangga kita. Biarlah kita menjadi wanita penenang dan penyejuk hati suami dalam rumahtangga sepertimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda mencintai tiga perkara iaitu sembahyang, wangi-wangian dan wanita solehah. Isteri yang baik akan menjadi perhiasan yang tinggi nilainya dalam rumahtangga, sumber penyejuk dan kebahagiaan hati suami. Memandangnya sudah

cukup membuatkan suami lupa pada masalahnya, merasa ringan daripada segala bebanan, tenang untuk menghadapi hari esok kerana di sampingnya ada satu kuasa atau sumber yang memberi kekuatan dan ketenangan hati dengan izin Allah *Subhanahu wataala*.

Berbahagiaalah suami yang memiliki isteri-isteri sepertimana yang difirmankan Allah dalam surah an-Nisâ ayat 34 yang bermaksud:

*“Maka isteri (wanita-wanita) yang baik itu ialah mereka yang setia kepada suaminya, mereka selalu memelihara kehormatan dirinya selama suaminya tiada di rumah, sebagaimana Allah telah memeliharanya.”*

Memang Allah menjadikan wanita itu sebagai pelengkap hidup bagi lelaki. Hiburan yang tertinggi bagi seorang lelaki ialah wanita yang dihalalkan baginya iaitu isteri yang telah dikahwini secara sah menurut syara', yang akan melayani keperluan-keperluannya secara zahir dan batin. Betapa bernilainya layanan seorang isteri kepada suami kerana layanan itulah yang akan dapat menyelamatkan suami daripada mencari hiburan dan ketenangan di luar rumah. Sekali gus boleh menyelamatkan para suami daripada terjerumus ke lembah dosa.

Begitu juga layanan daripada segi seksual amat penting apabila suami memerlukannya. Sehingga Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan dalam hadisnya kepada para isteri supaya dapat melayani keinginan suami sekalipun ketika itu mereka

berada di atas belakang unta. Ini bermakna wajib ditunaikan. Tetapi, sebahagian wanita yang kurang ilmu pengetahuan mengenai kewajipan ini beranggapan perkara sebegini tidak masuk akal, malah seolah-olah suami hanya mengikutkan hawa nafsu semata-mata.

Jangan sampai disebabkan oleh terlalu letih bekerja, isteri merasa keberatan untuk menunaikan hajat suami sehingga suami berasa kecil hati dan tersinggung. Isteri-isteri yang sedemikian akan mendapat laknat Allah sebagaimana hadis Rasulullah daripada Abu Hurairah *Radhiallahu anhu* daripada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, bersabda yang bermaksud:

*“Bila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidurnya (untuk menggaulinya), tetapi dia enggan, maka dia akan dikutuk oleh malaikat hingga waktu Subuh.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Jika para isteri betul-betul dapat menyediakan diri dan rumahtangga sebagai sumber dan tempat suami serta ahli keluarga mendapat ketenangan, insya Allah suami itu akan semakin bersungguhsungguh untuk beribadah, sehingga membolehkan dia keluar rumah, tanpa menaruh perasaan bimbang mengenainya. Fikirannya akan berasa tenang di dalam melaksana-tugasnya di tempat kerja.

Ketenangan suami akan membolehkannya mencapai kejayaan hidup dan boleh menghalangnya daripada bertindak liar dan berlaku curang di belakang isteri. ■

# Pesta Buku Antarabangsa Indonesia Ke 22

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri buat pertama kalinya telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Indonesia kali ke 22 yang telah diadakan di Balai Sidang, Jakarta Convention Centre, Senayan pada 11 hingga 15 Rejab, 1423 bersamaan 18 hingga 22 September, 2002.

Pesta buku itu yang diselenggarakan oleh Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI) telah

dirasmikan oleh Naib Presiden Indonesia, yang diwakili oleh A. Malik Fadjar, Menteri Pendidikan Nasional.

Sebanyak 200 buah gerai telah disediakan oleh pihak penganjur dan disertai juga oleh Malaysia selain peserta tempatan.

Menurut Ketua Panitianya, Robinson Rusdi, Pesta buku ini yang diselenggarakan secara rutin setiap bulan September

bukan hanya sekadar untuk mempromosi dan penjualan buku semata-mata, tetapi juga dihasratkan untuk mempertemukan antara pengarang, penerbit, penyunting dan pengguna buku.

Sementara itu menurut Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha. Walaupun buat pertama kali menyertainya, sambutan terhadap buku-buku berbahasa Melayu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan mendapat perhatian dan sambutan.

Apa yang membanggakan menurutnya lagi, buku-buku tersebut telah dibeli oleh The Library of Congress Office, Asia Tenggara yang beribu pejabat di Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Jakarta dan perpustakaan Universiti of Leiden, Belanda. Usaha susulan akan dibuat untuk melantik pengedar buku-buku Jabatan Mufti Kerajaan di Indonesia.

Menteri Pendidikan Nasional, A Malik Fadjar mewakili Naib Presiden Indonesia, ketika melihat secara dekat buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan selepas merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Indonesia kali ke 22.



## Pesta Buku & Peralatan Pendidikan Antarabangsa dan Konferens Mengenai Integrasi Sumber Maklumat

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam ketika mengunjungi gerai Jabatan Mufti Kerajaan, dan diberi penerangan oleh Dato Paduka Ahmad Bukhari, Pengarah Pentadbiran (kiri). Yang Berhormat Pehin ketika menyaksikan buku-buku yang dipamerkan untuk dijual selepas merasmikan Konferens Mengenai Integrasi Sumber Maklumat: Suatu Agenda Untuk Perubahan (kanan).



Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyertai Pesta Buku dan Peralatan Pendidikan yang telah diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas bermula 14-23 Rejab, 1423 bersamaan 21 hingga 30 September, 2002 dan juga menyertai pameran dan jualan sempena Konferens Mengenai Integrasi Sumber Maklumat: Suatu Agenda Untuk Perubahan pada 17-20 Rejab, 1423 bersamaan 24-27 September, 2002 di Universiti Brunei

Darussalam.

Kedua-dua acara tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Menurut pihak penganjur Pesta Buku dan Peralatan Pendidikan, H.A.D.H.I. Educational Services, ini adalah buat

julung kalinya pesta seumpama ini dianjurkan oleh sektor swasta.

Sebanyak 85 buah gerai telah disediakan dan disertai oleh hampir 50 buah institusi kerajaan dan swasta dari dalam dan luar negeri.

Sementara itu, pameran dan jualan sempena Konferens Mengenai Integrasi Sumber Maklumat pula disertai oleh institusi kerajaan dan swasta.

# Promosi At-Taufir



**Sertailah Promosi At-Taufir  
dan rebutlah peluang  
keemasan untuk mendapatkan  
hadiah-hadiah istimewa**

**Koleksi Da Vinci oleh  
Dat-co Design (B) Sdn. Bhd.**

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI KAMI DI TALIAN 02-222342 ATAU BERKUNJUNG TERUS KE CAWANGAN KAMI YANG BERHAMPIRAN


# Untuk Dapatkan Bimbingan Berkesan Tentang Keamanan KEMBALI KEPADA AL-QUR'AN

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam agar kembali kepada al-Qur'an bagi mendapatkan bimbingan yang berkesan tentang keamanan, kesejahteraan dan keselamatan di antara umat.

Menurut baginda, dunia hari ini walaupun semakin maju hasil daripada perkembangan ilmu pengetahuan, namun ia tetap kerdil apabila berhadapan dengan keperluan asasi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Pertandingan Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi malam kedua yang berlangsung pada 28 Jamadilawal 1423 bersamaan 7 Ogos 2002 di Pusat



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Pertandingan Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi malam kedua di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Persidangan Antarabangsa.

Keperluan asasi itu, tambah baginda, ialah nilai-nilai baik yang boleh menghasilkan kebahagiaan dan kesejahteraan, namun nilai-nilai itu semakin hakis disebabkan oleh sifat-sifat tamak yang sedang bermaharajalela.

Semua ini titah baginda, memerlukan ubat atau penawar supaya manusia

itu tidak terus hanyut di dalam kebuasan.

*"Ubat tersebut tidak didapati di dalam sebarang pil atau lain-lain ubat biasa tetapi ia ada di dalam al-Qur'an. Al-Qur'an mengajarkan perdamaian, mengajarkan sikap berbaik-baik, mengajarkan perkenalan di antara bangsa-bangsa, mengajarkan supaya jangan tamak, jangan iri hati terhadap nikmat yang dikurniakan kepada orang lain dan jangan berlaku zalim atau aniaya terhadap sesiapa jua",* titah baginda.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim,

(Bersambung ke muka 5)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda baginda menerima junjung ziarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan sejourus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam, Sg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti)

E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [Fatwa@brunet.bn](mailto:Fatwa@brunet.bn)